

NO. SOALAN: 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

TARIKH : 19 MAC 2018

RUJUKAN : 10591

SOALAN :

Datuk Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sehingga Januari 2018 berapakah jumlah tangkapan *terrorist* di Malaysia dan setakat ini adakah rakyat Malaysia selamat daripada terpengaruh dengan aktiviti *terrorist* melalui maklumat daripada *social media*.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa komited dalam menjalankan tugasnya untuk mengesan mereka yang disyaki terlibat dengan elemen pengganas. Bagi menunjukkan komitmen tersebut pihak Polis sentiasa memantau secara berterusan terutamanya ke atas media sosial yang kini sering digunakan sebagai medium oleh kumpulan pengganas terutamanya Daesh untuk menyebarkan fahaman dan merekrut ahli-ahli baru.

Hasil daripada komitmen dan kecekapan yang ditunjukkan oleh pihak Polis, sejak 2013 sehingga 21 Februari 2018 seramai 382 orang yang terlibat dengan elemen kumpulan pengganas Daesh di Malaysia telah berjaya ditangkap. Daripada jumlah tersebut, seramai 249 orang yang ditangkap adalah hasil daripada pemantauan ke atas media-media sosial.

Kejayaan ini adalah hasil kerjasama di antara PDRM dengan pelbagai pihak terutamanya Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) dalam memantau penggunaan internet dan media sosial seperti *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram* bagi penyebaran fahaman kumpulan militan Daesh. Selain itu tindakan menyekat akses kepada laman-laman web, blog dan media sosial tertentu yang mempunyai unsur keganasan turut dilakukan agar penyebaran ideologi Daesh tidak terus tersebar kepada masyarakat umum.

Selain daripada pemantauan ke atas media sosial, pihak polis juga turut menerima maklumat daripada orang awam dan ahli keluarga suspek mengenai penglibatan mana-mana individu yang menunjukkan kecenderungan dan sokongan kepada kumpulan pengganas. Sebarang perubahan tingkah laku yang drastik dalam diri seseorang juga boleh dijadikan petunjuk bahawa individu tersebut mula terpengaruh dengan dakwah perjuangan yang dilontarkan oleh anasir-anasir militan.